

Surat Kiriman Rasmi 4

SOALAN : Tuliskan sepucuk surat aduan tentang masalah kerosakan jalan raya yang dialami oleh penduduk di taman perumahan anda.

No 11, Jalan Rampaisari 3A,
Taman Pinggiran Putera,
43200 Serdang, Selangor.

Pengarah Jabatan Kerja,
Jalan Keramat 3,
43200 Serdang,
Selangor Darul Ehsan.

6 OGOS 2009

Tuan,

Masalah Kerosakan Jalan Raya

Merujuk perkara di atas, saya sebagai wakil penduduk taman ini ingin membuat aduan tentang masalah kerosakan jalan raya di taman ini. Masalah ini telah berlarutan hampir setahun lamanya dan tiada tindakan daripada pihak tuan hingga hari ini.

2. Jalan menuju ke taman ini telah berlubang-lubang.
 - para pengguna jalan raya tidak berasa selesa
 - terpaksa memandu dengan berhati-hati
 - ada penduduk yang telah terjatuh akibat terlanggar lubang
3. Berlakunya tanah runtuh di beberapa tempat di sepanjang jalan raya ini.
 - amat membahayakan para pengguna
 - tidak disedari terutama pada waktu malam
 - boleh mendatangkan kecederaan yang parah kepada para pengguna
4. Keadaan jalan raya juga tidak rata.
 - berbonggol-bonggol akibat daripada lori membawa tanah
 - kenderaan penduduk banyak mengalami kerosakan
 - mendatang perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk
5. Kawasan selekoh di jalan raya tersebut menjadi terlalu licin.
 - perlu diturap semula oleh pihak tuan.
 - banyak kemalangan telah berlaku di kawasan ini
 - kenderaan telah terbabas akibat gagal dikawal oleh pemandunya.
6. Garis putih di tengah-tengah jalan raya sudah tidak kelihatan.
 - kesan daripada kerosakan jalan yang berlaku
 - perlu dibuat semula untuk kesenangan para pengguna
 - perjalanan kenderaan berjalan dengan lancar

Sekian sahaja yang dapat saya maklumkan untuk pengetahuan pihak tuan. Langkah segera perlu dilakukan demi kebaikan para penduduk taman ini.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

.....
(M.FAREEZ HAIKAL BIN M.SHAIFUDDIN)
Wakil Penduduk,
Taman Pinggiran Putera.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY